

PEMULIHARAAN LANDSKAP VERNAKULAR

**KES KAJIAN: KAMPUNG ATAS PALOH,
KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM.**

Oleh

NIK MASTURA BINTI NIK MOHAMMAD

Satu disertasi yang disediakan untuk memenuhi
sebahagian dari syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Lanskap (Kepujian).

Jabatan Seni Bina Lanskap
Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi MARA Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

April 2000

PENGHARGAAN

'Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani'

Syukur kehadrat Ilahi kerana akhirnya dapat juga saya menyedia dan menyempumakan hasil penulisan disertasi ini. Segala bantuan, dorongan, bimbingan dan tunjuk ajar dari pelbagai pihak sama ada dari awal semester sehingga ke penghujung semester telah dapat saya sempurnakan dalam masa yang dijadualkan. Insyallah.

Dimulakan dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat **suami tersayang**, "..... kerana selama ini dorongan dan sokongan yang tidak pernah putus yang diberikan agar meneruskan pengajian walau pun mengalami pelbagai dugaan dan halangan.....semoga ianya menjadi pedoman dan garis panduan agar sabar serta tabah dalam meneruskan setiap yang dicita-cita." Tidak lupa juga sekalung penghargaan juga ditujukan buat saudara terdekat Mohd.Yusuf Hamzah yang banyak menolong dalam menyiapkan disertasi ini.

Ucapan jutaan terima kasih juga, ditujukan istimewa buat Prof. Madya Kamariyah Kamsah, kerana telah memberikan saya ruang untuk mengenali bidang seni bina landskap suatu masa dulu, segala bantuan dan tunjuk ajar yang tidak pernah pudar di sepanjang pengajian saya. Tidak ketinggalan ucapan jutaan terima kasih juga buat En. Wan Halawah Wan Hariri yang banyak menegur dan memberi peluang untuk saya meneruskan kerjaya dalam bidang seni bina landskap.

Akhir sekali, ucapan ini saya tujukan buat semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam memberikan kerjasama untuk saya menyiapkan tugas ini. Semoga mendapat keberkatan taufik dan hidayah dariNya. Hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membala segala budi dan pengorbanan yang telah tuan dan puan sumbangankan.

NIK MASTURA NIK MOHAMMAD

Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap (Kepujian)
Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi MARA UiTM.

PEMULIHARAAN LANDSKAP VERNAKULAR

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

BAB SATU

| | |
|--|------|
| ABSTRAK | 1-1 |
| 1.0 PENDAHULUAN | |
| 1.1 PENGENALAN | 1-3 |
| 1.2 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN | 1-6 |
| 1.3 ISU-ISU | 1-8 |
| 1.4 SKOP KAJIAN | 1-9 |
| 1.5 BATASAN | 1-10 |
| 1.6 PENDEKATAN KAJIAN | 1-10 |
| a) Buku-buku kajian. | |
| b) Pengumpulan maklumat dan data. | |
| c) Temu bual. | |
| d) Tinjauan dan analisis tapak kajian. | |
| 1.7 HARAPAN | 1-12 |
| 1.7.1 Masyarakat setempat. | |
| 1.7.2 Peningkatan taraf hidup dan keadaan ekonomi. | |
| 1.7.3 Profesyen. | |
| SENARAI RUJUKAN | 1-13 |

BAB DUA

| | |
|---|------|
| 2.0 KAJIAN ULASAN BAHAN PENULISAN DAN KES RUJUKAN | |
| 2.1 PENGENALAN | 2-1 |
| 2.2 LANDSKAP VERNAKULAR | 2-2 |
| 2.2.1 Sosiod budaya: | 2-4 |
| • Sistem kekeluargaan, agama dan adat. | 2-9 |
| 2.2.2 Sosioekonomi: | 2-11 |
| • Implikasi terhadap kemajuan ekonomi masyarakat Melayu. | 2-14 |
| 2.2.3 Seni bina. | 2-15 |
| 2.3 FAKTOR PENYUMBANG KEPADA PEMBENTUKAN IDENTITI SETEMPAT | 2-18 |
| 2.3.1 Kawasan penempatan dipengaruhi oleh: | |
| • Keadaan semula jadi, budaya setempat dan keunikan sejarah | 2-18 |

ABSTRAK

Disertasi ini adalah satu usaha untuk memfokuskan pemuliharaan landskap vernakular dalam masyarakat Melayu Kelantan, di mana penekanan telah dibuat berdasarkan kepada sejarah asal kawasan kajian. Menurut Hough (1990), landskap vernakular merupakan perkembangan satu penempatan yang dipengaruhi oleh keadaan semula jadi, budaya setempat dan keunikan sejarah serta tindakan dan peranan oleh pihak berkuasa tempatan dalam menentukan keadaan persekitaran bagi sesuatu kawasan.

Selain itu, ia juga meneliti personaliti dominan etnik Melayu, ciri-cirinya dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukannya. Mengikut teori-teori yang diperkembangkan oleh ahli-ahli antropologi sejak tahun empat puluhan (Kardiner, 1939; Benedict, 1946; Kluckhohn, 1953) personaliti sesebuah masyarakat itu dipengaruhi oleh kebudayaannya. Kebudayaan masyarakat Melayu dilihat dari struktur masyarakat, termasuk organisasi sosial, sistem politik, keagamaan dan sosioekonomi. Sebagai negara membangun yang menuju ke arah negara industri, suasana sedemikian sangat sukar diperoleh di kebanyakan tempat kerana sejak akhir-akhir ini, arus pembangunan moden memberikan impak yang begitu ketara ke atas masyarakat setempat. Penulis telah mengenalpasti beberapa elemen iaitu landskap vernakular, sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat Melayu Kelantan untuk dikaji secara terperinci.

Pelbagai pengaruh yang cuba di'sogok' masuk melibatkan ancaman terhadap identiti setempat dengan merubah keadaan elemen fizikal, guna tanah persekitaran, sosial dan budaya sehingga perlu pengwujudan semula keadaan persekitaran yang ditentukan dengan melihat landskap vernakular tempat terbabit. Banyak rencana, kertas kerja dan kerja khusus oleh pengkaji dan pengajar membincangkan khusus tentang soal konsep serta falsafah dan identiti yang membentuk masyarakat setempat. Setakat ini, terdapat juga beberapa penulis yang membincangkan dengan agak meluas mengenai konsep dan falsafah berkenaan.

Walaupun demikian, masih banyak lagi perihal identiti setempat dalam negara yang belum dikupas dengan lebih mendalam. Namun begitu, pemahaman mengenai cara hidup, budaya dan identiti setempat hanya ditonjolkan dalam bidang sosiologi dan antropologi untuk pengetahuan umum di Malaysia sekitar tahun akhir 70-an. Tradisi dan cara hidup memberi perbezaan antara satu kawasan dan masyarakat dengan yang lain. Pembangunan tidak boleh dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan implikasi dan kesan ke atas budaya dan cara hidup yang mungkin timbul. Antara nilai tradisi yang ditekan oleh arus pembangunan dan kemodenan adalah identiti masyarakat Melayu yang telah berakar umbi di bumi Malaysia sejak ratusan tahun dahulu.